

10/08/2001

Pemuda lancar program tuisyen

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Pemuda Umno akan mengadakan program tuisyen insentif pada setiap bahagian Umno bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar Melayu sekali gus menghapuskan pergantungan mereka kepada sistem kuota.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata program yang dikenali sebagai Tuisyen Emas itu membabitkan pengajaran mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik dan sains yang akan dikendalikan Biro Pendidikan Pemuda Umno.

"Matlamatnya ialah mengetengahkan pelajar Melayu ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tanpa bergantung kepada kuota," katanya selepas program Pemuda Prihatin di Rumah Pangsa Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) Desa Tun Razak, Cheras, di sini.

Pada majlis itu, Hishammuddin menyampaikan bantuan kewangan kepada lima keluarga di perumahan itu.

Beliau turut berjanji, Pemuda Umno akan memberi bantuan kewangan kepada sekolah agama rakyat di situ.

Terdahulu, Hishammuddin mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno di pejabat Umno Bahagian Cheras.

Beliau berkata, program Tuisyen Emas sudah dimulakan pada peringkat pusat membabitkan beberapa cawangan Umno di Danau Kota dan Setapak.

Katanya, beberapa Bahagian Umno di Johor, Kedah dan Pahang juga sedang memulakan program itu.

"Ia adalah sebahagian daripada program pendidikan Pemuda Umno yang sedang giat dilaksanakan di seluruh negara selain program teras lain iaitu agama, sosial dan latihan," katanya.

Mengenai taklimat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berhubung dasar meritokrasi kepada pemimpin Umno Bahagian semalam, Hishammuddin berkata, Pemuda berpuas hati dengan penjelasan itu.

Mengulas masalah sosial dan keruntuhan moral di kalangan remaja Melayu, Hishammuddin berkata, walaupun Kabinet menanggungkan sesi khas bagi membincangkannya, Dr Mahathir turut menyentuh perkara itu dalam taklimatnya.

(END)